



MAJLIS PERBANDARAN KUBANG PASU

06000 Jitra, Kedah Darul Aman

Tel : 9183300 / 9183317

KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

Tawaran adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor G2 BUMIPUTERA yang mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) serta berdaftar dengan **MAJLIS PERBANDARAN KUBANG PASU** yang masih sah tempohnya bagi menyertai sebut harga berikut :


NOMBOR DAN TAJUK SEBUTHARGA	GRED PENDAFTARAN/ KATEGORI PENGKHUSUSAN	BAYARAN DOKUMEN	TARIKH DOKUMEN DIKELUARKAN	TARIKH TUTUP SEBUT HARGA
Cadangan Membina Laluan Pejalan Kaki Di Taman Tunku Sarina, MP Kubang Pasu (MPKP/SH(K)/15/2023)	G2/CE CE21	RM30.00	Dijual mulai 11 Julai 2023 Sehingga 18 Julai 2023	23 Julai 2023 (Ahad) Jam : 12.00 Tengah Hari
Menaiktaraf Gerai Di Pekan Batu 17, Tunjang, MP Kubang Pasu (MPKP/SH(K)/16/2023)	G2/B B24			

2. Penyebut harga yang berminat untuk menyertai sebut harga ini dikehendaki berdaftar dengan Majlis Perbandaran Kubang Pasu melalui Borang Pendaftaran Kontraktor yang boleh diperolehi di laman web Majlis Perbandaran Kubang Pasu dengan yuran pendaftaran sebanyak RM 200.00.

3. Dokumen sebut harga akan dijual dalam bentuk soft copy. Untuk semakan kelayakan, kontraktor perlu emelkan Salinan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK), salinan Kad Pengenalan Pengurus Syarikat serta borang permohonan pembelian dokumen sebut harga ke emel perolehanmpkubangpasu@gmail.com. Sekiranya layak, resit pembelian dokumen sebut harga dan pendaftaran kontraktor akan dikeluarkan untuk tujuan pembayaran. Waktu urusan permohonan serta pertanyaan mengenai sebut harga seperti berikut :

AHAD – RABU : 8.30 Pagi – 4.00 Petang
KHAMIS : 8.30 Pagi – 3.00 Petang

4. Penyebut harga perlu melampirkan bukti pembayaran ke emel perolehanmpkubangpasu@gmail.com
5. Dokumen sebut harga akan diberikan melalui emel setelah bukti pembayaran diterima. **Dokumen sebut harga yang dibeli perlu dicetak dan dibukukan / didokumentasikan bersama dokumen sokongan yang diwajibkan.**
6. Syarikat / Kontraktor boleh melawat sendiri atau tapak berkenaan bagi membantu syarikat / kontraktor mendapatkan maklumat dengan lebih tepat. Sila patuhi amalan penjarakan, penggunaan *hand sanitizer* dan pemakaian *face mask* adalah perlu diteruskan.
7. Dokumen Sebut harga yang telah disempurnakan hendaklah di masukkan ke dalam sampul surat yang berlakri / bermeteri. Jenis Kerja Tawaran dan Nombor Tawaran hendaklah di nyatakan di muka hadapan sampul surat tersebut dengan terang dan jelas dan di alamatkan kepada **YANG DIPERTUA, MAJLIS PERBANDARAN KUBANG PASU, 06000 JITRA, KEDAH DARUL AMAN** dan dimasukkan terus ke dalam peti tawaran berkenaan di **MAJLIS PERBANDARAN KUBANG PASU** pada atau **sebelum jam 12.00 tengahari bertarikh seperti tersebut di ruangan tarikh tutup sebutharga.**
8. **Jika sebut harga dihantar dengan menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/kurier, penyebut harga hendaklah memastikan sendiri bahawa dokumen tersebut selamat dihantar ke alamat yang telah ditetapkan dan dimasukkan ke dalam peti tawaran sebelum atau pada tarikh tutup sebut harga. MPKP tidak akan bertanggungjawab atas kelewatan penerimaan dokumen syarikat. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan.**


.....
BADRULHISHAM BIN SULAIMAN, AMK. BCK.
YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN KUBANG PASU

Tarikh Iklan : 10 JUL 2023